"Tiada lagi orang bercerita mengenai peristiwa itu ketika ini menyebabkan ramai yang tidak mengetahuinya"

Lai Lee Yan
Jurujual

"Banjir 1970-an yang saya ingat, banjir yang berlaku sebelum itu saya tidak ingat dan tak ada orang yang cerita"

Chin Sek Kuan
Peniaga

Tragedi hitam semakin dilupakan

WALAUPUN banjir di Cheras, Sungai Besi dan Salak Selatan itu dikatakan antara paling teruk dalam sejarah negara ini, ada di kalangan warga Kuala Lumpur tidak tahu mengenai kejadian itu.

Oleh itu, tidak menghairankan apabila tragedi itu semakin dilupakan berikutan warga kota sentiasa bertukar pada setiap tahun, kebanyakannya adalah perantau yang datang selama beberapa tahun sebelum berpindah pula ke tempat lain.

Peristiwa banjir besar itu berlaku kira-kira 43 tahun lalu dan sepanjang tempoh lebih empat dekad itu, pelbagai perubahan besar dan pembangunan melanda di tiga kawasan terbabit.

Jika dikaitkan dengan usia pula, kejadian itu berlaku 43 tahun lalu di mana jika seseorang itu berusia sekitar 20 tahun ketika itu, mereka kini berusia mencecah lebih 60 tahun.

Melewati masa, warga kota yang lebih muda nyata tidak lagi mengingati peristiwa itu seolah-olah ramai antara mangsa tidak lagi membuka episod hitam itu untuk diceritakan kepada generasi baru.

Peniaga, Chin Sek Kuang, 50, berkata ramai penduduk kota terutama generasi muda ketika ini dan mereka yang berhijrah ke Kuala Lumpur selepas kejadian itu yang tidak lagi mengingati peristiwa itu berikutan ia sudah lama berlaku.

Contohnya seperti dirinya sendiri yang dilahirkan di Pulau Pinang dan berhijrah ke Setapak, Kuala Lumpur pada 1968 menyebabkan dia tidak mengi ngati peristiwa banjir besar pada 1963.

"Tapi saya masih ingat sekitar 1970-an, ada berlaku satu banjir besar di kawasan bandaraya Kuala Lumpur termasuk di Jalan Raja Laut dan Sentul. Banjir ketika itu memang teruk hingga air naik hingga ke bumbung rumah.

"Itulah banjir yang saya ingat, banjir yang berlaku sebelum itu saya tidak ingat dan tak ada orang yang cerita," katanya.

Bagaimanapun, beliau mengakui kawasan sekitar Cheras suatu ketika dulu adalah kawasan lombong tetapi kini ia sudah bertukar wajah apabila lombong itu ditambak untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan.

Jurujual, Lai Lee Yan, 21, berkata warga Kuala Lumpur ketika ini terdiri daripada penduduk luar yang datang berhijrah dan bekerja menyebabkan ramai antara mereka yang tidak mengingati peristiwa itu.

Beliau yang baru datang dari kampungnya di Melaka untuk bekerja di Cheras, kira-kira tiga bulan lalu nyata tidak mengetahui bahawa peristiwa banjir besar itu pernah berlaku di kawasan yang didudukinya kini.

"Tiada lagi orang bercerita mengenai peristiwa itu ketika ini menyebabkan ramai yang tidak mengetahuinya," katanya.